

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

---

**PGA 103 – GURU, SEKOLAH DAN MASYARAKAT**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN :**

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan semuanya. Calon dikehendaki menjawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT (4)** soalan, hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diambil kira.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. (a) Huraikan **TIGA (3)** kepentingan Laporan Barnes (1951) dan Fenn Wu (1952) dalam perkembangan sistem pendidikan di Tanah Melayu sebelum merdeka. (10 markah)  
(b) Pada pendapat anda, adakah Laporan Razak (1956) telah mengubah sistem pendidikan di Tanah Melayu selepas 1956? Beri **LIMA (5)** hujah untuk menyokong pendapat anda. (15 markah)
2. (a) Jelaskan **TIGA (3)** implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap sistem pendidikan di Malaysia. (10 markah)  
(b) Bincangkan cara aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek boleh anda terapkan dalam satu mata pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan. (15 markah)
3. (a) Jelaskan **TIGA (3)** tindakan guru dalam melahirkan modal insan. (10 markah)  
(b) Huraikan **LIMA (5)** kepentingan sekolah sebagai satu institusi sosial dalam pembangunan negara. (15 markah)
4. (a) Bincangkan peranan Kementerian Pelajaran untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti. (10 markah)  
(b) Pada pendapat anda adakah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta telah berjaya meningkatkan kualiti pendidikan negara?  
Beri **TIGA (3)** hujah berserta dengan contoh yang relevan untuk menyokong pendapat anda. (15 markah)

- 5 (a) Mengapa murid perlu memahami perbezaan budaya masyarakat Malaysia. Huraikan pendapat anda dengan memberi **TIGA (3)** contoh sesuai.

(10 markah)

- (b) Bagaimanakah sistem pendidikan di Malaysia dapat mewujudkan perpaduan antara pelajar pelbagai etnik?

Beri **TIGA (3)** langkah berserta contoh yang sesuai untuk menyokong jawapan anda.

(15 markah)

- oooOooo -